

Percepatkan loji WTE di Sungai Udang

Farah Suhaidah Othman

PAYARUMPUT - Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) perlu mempercepatkan pembinaan loji Sisa ke Tenaga (WTE) di Melaka bagi mengatasi masalah Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Sungai Udang yang kini semakin tenat.

Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri, Datuk Rais Yasin berkata, kelewatan pembinaan loji itu

“kelewatan pembinaan loji itu turut menimbulkan pelbagai masalah termasuk kewujudan tapak pelupusan sampah haram sehingga memberi kesan negatif kepada Melaka.”

turut menimbulkan pelbagai masalah termasuk kewujudan tapak pelupusan sampah haram sehingga memberi kesan negatif kepada Melaka.

Katanya, penghasilan sampah purata kira-kira

1,000 tan setiap hari di negeri ini juga mengakibatkan tapak pelupusan itu tidak dapat menampung sampah yang semakin meningkat.

"Tapak pelupusan sampah di Sungai Udang itu satu-satunya lokasi untuk

pembuangan sampah dan jika dilihat jumlah penghasilan sampah hari ini, tapak pelupusan itu tidak boleh beroperasi dengan kadar lebih lama dianggarkan dalam tempoh satu atau dua tahun lagi.

"Jadi, antara penyele-

saian yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan adalah membina loji WTE, namun sayangnya sehingga ke hari ini, masih belum dilaksanakan tetapi saya difahamkan isu bersama syarikat kontraktor dilantik belum lagi selesai.

"Saya berharap kita tidak ada 'blaming games' dalam hal perkara itu tetapi sudah tentu sebagai Exco bertanggungjawab kita akan mengambil tindakan segera.

"Difahamkan WTE di Melaka dibuka bersama WTE di Johor namun di



RAIS

Johor sudah mula beroperasi tetapi sampai sekarang Melaka masih belum tuntas lagi dan difahamkan masih ada perbincangan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Sumbangan Zakat TM Melaka dan Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (Japerun) Paya Rumput di Kompleks Japerun Paya Rumput di sini, pada Isnin.

Rais yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Paya Rumput berkata, bagi mengatasi isu kewujudan tapak pelupusan sampah haram di negeri ini, pihak berkuasa tempatan (PBT) juga diarahkan untuk meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan.

"Kepada pelancong yang berkunjung ke Melaka, usah bimbang kerana Melaka diiktiraf negeri terbersih sekali gus menjadikan negeri ini mewakili negara pada Anugerah Asean Clean Tourist City Standard (2024-2026) di Laos," katanya.



TAPAK Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Sungai Udang. Foto Iqmal Haqim Rosman